



ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

■

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

Editor:

**Suhaida Abu Bakar
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Siti Aisyah Yusof**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
2021

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM
REALITI SEMASA

Ahmad Yumni Abu Bakar
Md Saufi Abdul Hamid
Mohd Muhaizam Md Ishak
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Nik Liyana Mustapa@Nik Daud
Noor Hidayah Kasim
Siti Aisyah Yusof
Suhaida Abu Bakar

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Cetakan Pertama September 2018
Cetakan Kedua Oktober 2018
Cetakan Ketiga Mac 2019
Cetakan keempat 2021

Reka bentuk dan ilustrasi kulit:
Canva.com

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Senarai Penulis Bab Dalam Buku Ini

Bab 1	Tasawwur Islam <i>Suhaida Abu Bakar</i> <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>
Bab 2	Akidah Sejahtera Ummah Bahagia <i>Muhammad Saiful Islami Mohd Taher</i> <i>Mohd Muhaizam Md Ishak</i>
Bab 3	Indahnya Hidup Bersyariat <i>Noor Hidayah Kasim</i>
Bab 4	Ibadah Membina Insan Berkualiti <i>Md Saufi Abdul Hamid</i>
Bab 5	Akhlak Dalam Perkembangan Masyarakat Islam Kontemporari <i>Siti Aisyah Yusof</i> <i>Nik Liyana Mustapa@Nik Daud</i>

BAB 3

INDAHNYA HIDUP BERSYARIAT

Noor Hidayah Kasim

Objektif Pembelajaran

1. Menghuraikan makna syariah dan terminologi lain yang berkaitan.
2. Memahami kepentingan syariah dalam kehidupan.
3. Memahami konsep maqasid syariah dan aplikasinya dalam kehidupan.
4. Menjelaskan khilafiyah dan kaedah mendepaninya dalam suasana semasa.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, diharapkan pelajar akan dapat:

- Memahami konsep syariah dalam keseluruhan kehidupan manusia dan kepentingannya.
- Mengaplikasi konsep maqasid syariah dalam kehidupan.
- Memahami konsep khilafiyah sebagai sesuatu yang perlu dalam kehidupan.

3.0 PENDAHULUAN

Syariah merupakan satu perkataan yang sering disebut dalam hal-hal biasa kehidupan yang berkaitan dengan hukum hakam, halal dan haram, mahkamah syariah, undang-undang syariah, makanan yang halal, makanan yang haram, minum arak tidak dibenarkan, membunuh orang itu satu perbuatan dosa besar dan sebagainya. Sebenarnya, perbahasan mengenai syariah adalah lebih jauh daripada itu. Pencipta syariah adalah Allah SWT. Dia memiliki seluruh kuasa teragung yang tidak mampu dijangkau oleh manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Allah SWT menyediakan satu sistem yang sangat hebat bermula daripada awal kewujudan makhluk sehinggalah hari kiamat.

Sistem ini memayungi seluruh aspek kehidupan manusia dalam semua lapangan. Pengetahuan mengenai syariah tidak terhad kepada pelajar-pelajar syariah, para ustaz dan ustazah, imam dan bilal semata-mata bahkan semua manusia mesti mempunyai minda syariah; berurusan di dunia demi mencapai redha Allah SWT. Syariah merupakan kerangka. Apa yang berada di dalamnya itulah yang menjadi *modus operandi* bagi setiap manusia yang mukallaf. Syariah datang untuk menguruskan kehidupan dunia dan ia menyediakan hukum, dasar dan amalan terbaik syariah (*syariah best practices*) yang diilhamkan daripada al-Qur'an dan hadis Nabi SAW (Mohd Daud Bakar, 2018).

1.1 ISLAM, AD-DEEN DAN SYARIAH

Sebelum kita mendalami perbahasan mengenai syariah, eloklah terlebih dahulu kita mengetahui dan memahami apakah perbezaan antara Islam, ad-deen dan syariah itu sendiri. Adakah terdapat persamaan antara keduanya ataupun tidak?

Pertama; Islam – Islam adalah satu agama. Perkataan agama berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud *a* (tidak) dan *gama* (huru-hara). Digabungkan keduanya sebagai agama maksudnya adalah tidak huru hara (Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2018). Manusia yang beragama, kehidupan mereka tidak akan menjadi huru hara kerana mereka dilingkungi oleh peraturan dan tatacara hidup. Banyak agama yang muncul sejak kewujudan manusia di muka bumi kerana fitrah manusia yang ingin bertuhan. Walau bagaimanapun, hanya Islamlah agama yang benar di sisi Allah SWT (Surah Ali 'Imran ayat 19).

Agama dalam bahasa Arab adalah ad-deen yang berasal daripada perkataan da-ya-na (دَيْن) yang mempunyai pelbagai maksud. Daripada perkataan da-ya-na ini muncul istilah madinah, madani dan maddana yang bermaksud membangun dan bertamadun (Ahmad Iqram Mohamad Noor, 2018). Masyarakat yang bertamadun dan membangun adalah masyarakat yang beragama. Justeru, golongan anti agama dan ateis bolehlah dikatakan sebagai tidak bertamadun kerana mereka tidak termasuk dalam istilah ini.

Apakah pula yang boleh difahami dengan syariah? Dari sudut bahasa, ia merujuk kepada asal kata dasarnya iaitu (شَرَعَ - يَشْرَعُ - شَرْعًا). Menurut Imam al-Khazin rahimahullah: "Perkataan syariah berasal daripada perkataan al-Syar'u (الشَّرْعُ) yang bermaksud penjelasan, pernyataan, penerangan dan penzahiran. Ada sebahagian ulama' berpendapat ia berasal daripada perkataan الشَّرْوَغُ فِي الشَّيْءِ (mula melakukan sesuatu). Beliau juga mendefinisikan syariah sebagai tempat mengambil air (tanpa memerlukan

tali) yang didatangi orang ramai untuk minum, menyiram, memberi minum haiwan dan sebagainya. Ada juga yang mendefinisikan syariah sebagai jalan atau cara. Jalan itu pula ditafsirkan sebagai jalan Ilahi yang menyampaikan kepada agama (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014).

Syariah menurut istilah pula bermaksud hukum-hukum taklifi dan amali (wajib, sunat, harus, makruh dan haram). Para ulama' syariah mengambil maksud ini daripada ayat Allah SWT dalam surah al-Ma'idah (5) ayat 48 – “*Untuk setiap umat yang ada antara kamu, Kami tetapkan satu syariat dan jalan agama*”. Begitu juga dalam surah al-Jathiyah (45) ayat 18 – “*Kemudian Kami (Allah) jadikan engkau di atas suatu syariah (peraturan) berkenaan urusan itu*”. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018) dalam buku beliau telah membawa pandangan Imam al-Alusi dalam menyatakan hubungkait makna syariah dari segi bahasa dan istilah seperti berikut:

“Sebagaimana seseorang yang berada di padang pasir ketika berkelana amat memerlukan sumber air atau oasis bagi meneruskan kehidupan di dunia ini, begitulah juga umat manusia memerlukan petunjuk dan panduan Ilahi yang merupakan syariah dalam mengharungi bahtera kehidupan yang penuh onak dan duri serta tipu daya. Maka syariahlah yang menjadi penyelamat manusia daripada tipu daya syaitan dan dunia”.

Perkataan syariah pada asalnya membawa maksud deen (دِين) atau *millah* (مِلَّة). Mudahnya, syariah boleh difahami sebagai keseluruhan ajaran Islam yang biasanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai agama (Mahmood Zuhdi, 2004).

3.1.1 Istilah-Istilah Berkaitan

Terdapat beberapa istilah lain yang mempunyai kaitan rapat dengan syariah iaitu fiqh, hukum, undang-undang, nas dan *masadir*.

i) Fiqh

Secara umum ia bermaksud pemahaman secara mutlak atau mendalam tentang sesuatu. Ia merujuk kepada pemahaman tentang hukum-hukum syarak yang dianalisis menggunakan sumber-sumber secara terperinci (Mahmood Zuhdi, 1992). Seseorang yang memahami sesuatu disebut sebagai faqih.

ii) Hukum

Hukum ialah perintah (*khitab*) Allah SWT mengenai perbuatan mukallaf. Hukum terhasil daripada proses memahami ketentuan-ketentuan yang digariskan melalui wahyu. Para ulama' fiqh membahagikan hukum kepada dua kategori iaitu hukum ibadat dan hukum muamalat.

iii) Undang-undang

Ialah norma-norma hukum (kaedah yang digunapakai dalam menentukan sesuatu hukum) yang diperundangkan melalui badan-badan perundangan tertentu seperti mahkamah atau majlis syura (Mahmood Zuhdi, 1992). Setelah diperundangkan ia akan menjadi lebih khusus dan menjadi tugas pemerintah untuk melaksanakannya.

iv) Nas

Merupakan dalil syariah yang terdiri daripada ayat al-Qur'an atau hadis yang digunakan sebagai hujah dalam menentukan sesuatu hukum.

v) *Masadir*

Merupakan kata jamak (*plural*) bagi perkataan *masdar* yang bermaksud sumber. *Masadir* ialah sumber-sumber merujuk kepada sumber syariah dalam menentukan hukum yang terdiri daripada al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak, qiyas dan lain-lain.

3.1.2 Tujuan Syariah Diturunkan

Para ulama' daripada pelbagai mazhab sepakat mengatakan bahawa syariah diturunkan adalah bertujuan untuk menjaga kemasalahatan manusia. Antaranya beberapa pandangan para ulama' yang diambil daripada tulisan masing-masing (Zaharuddin Abd Rahman, 2014):

- 1) Syariah diturunkan untuk kesejahteraan, kebaikan, keharmonian hidup manusia bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat.
- 2) Jika syariah boleh diibaratkan sebagai bangunan, maka hukum syariah adalah tapaknya. Syariah sebagai payung bagi tujuan keadilan, rahmat dan kebaikan secara keseluruhannya.
- 3) Di mana ada kebaikan, di situlah adanya syariah Allah SWT. Di mana ada syariah Allah SWT di situ ada kebaikan. Para ulama' semuanya bersepakat bahawa syariah itu adalah kebaikan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Allah SWT menginginkan hanya yang terbaik untuk sekalian hambaNya. Arahan Allah SWT mempunyai dua bentuk; sama ada di dalamnya bersifat keburukan dan Dia menyuruh kita menjauhinya ataupun di dalamnya terdapat kebaikan maka kita digesa untuk mendapatkan kebaikan tersebut. Pendek kata, semuanya menjurus kepada kebaikan sahaja.

3.1.3 Kepentingan Syariah Dalam Kehidupan

Syariah perlu dilihat dalam konteks yang lebih segar pada masa kini kerana syariah itu sendiri adalah kehidupan. Semakin hari kehidupan manusia semakin kompleks dengan isu-isu yang mencabar minda dan hukum. Akan tetapi syariah bukan mengikut sebaliknya syariah mendepani, manusia yang perlu mengikut dan berpandukan syariah bukan sebaliknya. Panduan syariah datang melalui wahyu. Syariah bukan sekadar

mendengar dan melakukan perkara yang baik tetapi syariah adalah mendengar, melakukan perkara yang baik dengan cara yang betul (Mohd Daud Bakar, 2018).

Hukum syariah berbeza dengan hukum fiqh. Syariah adalah teras. Fiqh pula menjelaskan syariah. Sebagai contoh, arahan mendirikan solat adalah hukum syariah (أقيموا الصلاة). Hukum syariah adalah dalam bentuk pasang siap. Ia datang daripada Allah SWT dengan cara yang begitu jelas dan nyata. Cara mendirikan solat pula adalah hukum fiqh. Ia perlu kepada huraian, perbincangan, penyelidikan, data dan sebagainya. Oleh kerana itu terdapat pelbagai pandangan ulama' dalam membincangkan hukum-hukum fiqh. Fiqh wujud dalam pelbagai dimensi hidup manusia sama ada dalam muamalah, perundangan, perihal jantina, harta, pendidikan, pertahanan negara dan lain-lain.

Syariah wujud sejak permulaan pembentukan manusia yang pertama. Semua nabi dan rasul membawa syariah yang sama. Tujuannya adalah pengabdian diri kepada Allah SWT. Cuma pada setiap zaman tersebut, pelaksanaan syariahnya tidak sama. Namun, syariah tetap relevan sehingga hari kiamat. Umat manusia yang hidup pada abad-abad akan datang tetap akan menikmati keanjalan syariah. Apakah yang ada pada syariah yang menyebabkannya begitu istimewa? Menurut Mohd Daud Bakar (2018), ia disebabkan oleh pendekatan suruhan dan cara penyampaian Allah SWT di dalam al-Qur'an. Al-Qur'an mengandungi aspek bahasa yang anjal dan fleksibel. Di samping itu, al-Qur'an juga mempunyai dimensi nilai-nilai dan tema yang bersifat umum dan universal. Sebagai contoh, dalam Surah Toha (20) ayat 6, Allah SWT menyebut mengenai aset yang wujud di bawah tanah, "*Kepunyaan Nyalah semua yang ada di langit; semua yang di bumi, semua yang di antara kedua-duanya dan semua yang di bawah tanah*". Mungkin masyarakat pada zaman dahulu hanya membaca dan memahami ayat ini secara harfiah, tetapi pada zaman sekarang masyarakat sangat tahu tentang kewujudan logam, mineral, minyak, gas dan sebagainya. Tidak mustahil pada masa akan datang akan wujud lebih banyak sumber-sumber bumi yang diteroka manusia. Masa akan berputar, kemajuan teknologi semakin meningkat namun ayat al-Qur'an tetap relevan dan sentiasa memenuhi keperluan manusia.

Syariah juga mengajar manusia untuk sentiasa berbicara tentang fakta dan ilmu. Syariah sangat mementingkan ketelitian. Dalam menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan umat, pihak yang bertanggungjawab tidak boleh memberikan jawapan hanya dengan ya atau tidak. Jawapan tersebut mestilah berdasarkan fakta, ilmu dan melakukan rujukan kepada pihak-pihak yang berautoriti. Allah SWT menciptakan manusia sebagai makhluk yang boleh berfikir. Pemikiran manusia mesti berorientasikan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pembuat hukum iaitu Allah SWT. Sebagai contoh, suatu masa dahulu kecoh dengan kes wabak zika yang merupakan penyakit bawaan nyamuk. Dalam menyelesaikan kes tersebut, kajian sains mendapati bahawa pembawa penyakit tersebut adalah nyamuk betina sahaja. Antara solusi yang dibuat adalah untuk menghapuskan semua jenis nyamuk di muka bumi. Ini adalah penyelesaian logik hasil daripada pemikiran dan pentafsiran akal manusia. Akan tetapi pandangan dan penyelesaian syariah bukan begitu. Adakah bermaksud Allah SWT tidak memberikan penyelesaian bagi kes-kes sebegini? Jika jawapannya ialah ya, ini bermakna syariah tidak mendepani zaman dan ketinggalan jauh di belakang (Mohd Daud Bakar, 2018).

Allah SWT pada masa yang sama mengajar manusia tentang kepentingan haiwan-haiwan kecil dalam al-Qur'an. Contohnya ada sejenis serangga unik yang berperanan meningkatkan pendebungaan antara bunga jantan dan bunga betina bagi tujuan pembiakan tumbuhan kelapa sawit (Mohd Daud Bakar, 2018). Tidak semua haiwan kecil atau virus atau apa sahaja yang diciptakan Allah SWT mempunyai tugas yang sia-sia. Kerja manusia hanyalah mencari penyelesaian dengan menjalankan kajian dan pemerhatian. Kajian dan pemerhatian merujuk kepada suatu tindakan yang memerlukan ketelitian dan semangat ilmu yang tinggi. Makhluk tidak mungkin mampu menyelesaikan masalah sesama makhluk. Semua ini memerlukan panduan syariah yang datang dari Allah SWT.

Syariah juga menjadikan manusia bebas untuk hidup mengikut cara dan kaedah yang difahami oleh diri masing-masing. Dalam ayat tentang standard manusia terbaik, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Maka bertakwalah kamu kepada Allah mengikut kesanggupan (kemampuan) kamu"*. Allah SWT menjelaskan bahawa tahap takwa manusia berbeza-beza mengikut kemampuan. Hanya Allah SWT yang tahu dan memahami tahap kemampuan setiap manusia. Manusia sesama manusia tidak boleh menilai tahap ketakwaan sesama sendiri. Hanya Allah SWT yang mengetahui tahap kehidupan seseorang itu dan bagaimana sumbangannya dalam mentaati Allah SWT dengan kaedahnya yang termampu. Kita tidak disuruh meninggalkan dunia sepenuhnya atau melakukan suatu ibadah dan pekerjaan dengan melampaui kemampuan diri. Rasulullah SAW menasihati beberapa sahabat baginda yang cuba mengamalkan beberapa amalan yang melangkaui had kemampuan manusia seperti tidak tidur, tidak makan, tidak berkahwin dan lain-lain. Perbuatan tersebut secara nyata melangkaui kemampuan normal manusia. Bagi meneutralkan perkara tersebut, syariahlah yang dijadikan panduan kerana ia digubal oleh pencipta yang Maha Tahu tentang batas keupayaan manusia.

3.2 MAQASID SYARIAH

3.2.1 Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, syariah adalah kehidupan. Ia merupakan payung yang di dalamnya terkandung semua yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Bagi mencapai keberhasilan penghayatan ke atas syariah secara lebih berkesan, muncul beberapa perbincangan dan disiplin ilmu yang dibincangkan oleh para ulama'. Tujuannya adalah bagi mencapai objektif syariah – manusia beroleh kebaikan di dunia dan akhirat. Antaranya ialah kaedah-kaedah fiqh, ilmu usul fiqh, maqasid syariah dan banyak lagi. Dalam bab ini fokus perbincangan adalah mengenai maqasid syariah.

Maqasid syariah pada ketika ini menjadi agen penyelesai kepada isu-isu pemikiran Islam kontemporari. Pada era klasik, ilmu maqasid ini diletakkan di bawah ilmu usul fiqh. Namun kini, ia telah menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri yang dibahaskan di pelbagai peringkat. Siddiq Fadzil dalam tulisan prakata beliau merumuskan bahawa ia merupakan suatu ilmu yang mengutarakan rahsia, nilai,



matlamat, hikmah, prinsip dan kebijaksanaan di sebalik hukum syarak (Jasser Auda, 2015). Maqasid dapat menjawab persoalan apa, bagaimana, mengapa dan sebagainya. Tambahan pula di Malaysia dalam keadaan masyarakat yang berbilang kaum, memahami maqasid syariah menjadi sangat penting dalam era kebangkitan tajdid dan ijtihad yang semakin berkembang.

3.2.2 Definisi Maqasid Syariah

Ilmu maqasid syariah bolehlah dikatakan sebagai ilmu teori para sarjana sebagaimana yang difahami daripada tulisan Jasser Auda (2015) dalam buku karangan beliau. Beliau menyebut bahawa ilmu ini sebenarnya adalah gambaran pandangan setiap sarjana demi perubahan dan pembangunan perundangan Islam walaupun secara faktanya semua maqasid ini dikeluarkan daripada teks-teks al-Qur'an dan al-Sunnah. Hasil gabungan teks al-Qur'an, al-Sunnah dan isu-isu semasa inilah yang kemudiannya melahirkan konsep maqasid syariah yang sangat istimewa.

Perkataan maqasid merupakan kata jamak (*plural*) daripada *maqсад* (مُقْصِدٌ) dan *al-maqasid* (المُقْصِدِ) dari perkataan *qo-so-da* (قَصَدَ). Perkataan ini mempunyai beberapa makna:

- 1) Menuju ke satu arah.
- 2) Kesederhanaan dan pertengahan antara dua perkara (وَأَقْصِدْ) - “*Dan bersederhanalah ketika kamu berjalan*”. (Surah Luqman (31) : 19).
- 3) Jalan yang lurus (قَصْدُ السَّبِيلِ) - “*Dan kepada Allah jua tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus*”. (Surah al-Nahl (16) : 9).
- 4) Dekat (وَسَفَرًا قَاصِدًا) - “*Sekiranya yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak berapa jauh*”. (Surah al-Taubah (9) : 42).

Manakala makna maqasid syariah dari sudut istilah pula terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh para ulama', antaranya adalah (Zaharuddin Abd Rahman, 2014):

- Syeikh Muhammad Tahir bin 'Asyur - makna dan hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum syarak yang tertentu.
- Syeikh 'Alal al-Fasi - tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsiannya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.
- Dr. Ahmad al-Raisuni - tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia.
- Dr. Muhammad Zuhaili - tujuan, matlamat, keputusan serta maksud yang dibawa dan terkandung dalam hukum-hukum syariah.

- Dr. Muhammad Fathi al-Duraini – sesuatu yang tersembunyi di sebalik ungkapan dan teks, iaitu syariah menggunakannya dalam perkara-perkara yang berbentuk umum dan khusus.
- Dr. Muhammad ‘Uqlah – maqasid syariah ialah setiap urusan mempunyai makna, hikmah, nilai yang bersifat tinggi, diwujudkan bagi mencapainya melalui nas atau hukum-hakam dalam syariah.
- Dr. Yusuf al-Qaradawi – maqasid syariah ialah mendatangkan kebaikan kepada manusia dan menolak kemudaratan.

Menurut Zaharuddin Abd Rahman (2014), terdapat empat kata kunci penting yang dirumuskan daripada takrif-takrif para ulama’ di atas mengenai makna maqasid syariah:

MAQASID SYARIAH			
RAHSIA HUKUM	HIKMAH	TUJUAN DAN MAKNA	PUNCA MASLAHAH
<ul style="list-style-type: none"> • Al-Fasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Muhammad Tahir bin ‘Asyur 	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Muhammad Fathi al-Duraini • Dr. Muhammad al-Raisuni • Dr. Muhammad ‘Uqlah • Dr. Muhammad Zuhaili 	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Yusuf al-Qaradawi

Daripada semua definisi di atas, maqasid syariah boleh disimpulkan sebagai tujuan dan rahsia yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk setiap hukumNya demi memelihara masalah manusia. Takrifan ini merangkumi kesemua makna maqasid yang didatangkan oleh para ulama’ di atas (Zaharuddin Abd Rahman, 2014).

3.2.3 Maqasid Syariah Dalam Sejarah Perundangan Islam

Lokasi bermulanya era perundangan Islam adalah di Tanah Arab. Secara tepatnya adalah di Mekah. Mekah pada masa itu merupakan sebuah pusat pentadbiran yang agak teratur sistemnya kerana menjadi lokasi pedagang-pedagang luar yang datang berniaga. Pada zaman jahiliyyah, bangsa Arab hidup dalam suasana berpindah randah (badwi) tanpa mempunyai kerajaan dan undang-undang. Sistem pengadilan adalah berdasarkan tradisi dan adat turun-temurun. Sebagai contoh, seorang lelaki boleh mengahwini dua orang adik beradik perempuan, amalan riba dibenarkan, hukuman potong lidah bagi sesiapa yang membuat tuduhan palsu dan lain-lain (Ahmad Iqram Mohd. Noor, 2018). Islam bermula sejak turunnya wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW dengan disertakan panduan melalui al-Qur’an dan hadis. Sedikit demi sedikit adat dan pengamalan turun-temurun masyarakat Arab jahiliyyah mula dihapuskan dengan turunnya ayat-ayat al-Qur’an yang tidak membenarkannya.

Nabi Muhammad SAW menyampaikan Islam selama 23 tahun di Mekah dan Madinah. Baginda SAW berpandukan al-Qur'an, hadis dan ijtihad dalam mentadbir dan menyebarkan Islam. Ketika itu, bagindalah yang menjadi tempat rujukan utama bagi segala persoalan mengenai hukum. Baginda juga membenarkan para sahabat berijtihad dalam keadaan-keadaan tertentu sebagaimana diketahui melalui hadis daripada Sayyidina Muaz bin Jabal r.a ketika beliau diutuskan ke Yaman sebagai gabenor dan hakim. Menurut Marwan Bukhari A. Hamid dalam penulisan prakata beliau dalam sebuah buku, maqasid syariah sebenarnya sudah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat lagi. Baginda adalah insan yang paling arif dalam rahsia dan tujuan syariah (Jasser Auda, 2015).

Para sahabat Khulafa' al-Rasyidin bertanggungjawab memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Tugasan ini berlangsung selama 29 tahun. Pemerintahan para khalifah ini bermula daripada Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a, Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a, Sayyidina Uthman bin Affan r.a sehinggalah Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a di mana kesemua mereka mentadbir berpandukan al-Qur'an, al-Sunnah dan ijtihad.

Secara alaminya, pertumbuhan umat manusia yang semakin ramai akan turut mencambahkan isu dan permasalahan dari segi hukum dan tatacara kehidupan. Isu-isu kontemporari menagih penyelesaian yang bersifat terkini. Dalam hal ini, Islam adalah agama yang fleksibel dan sentiasa meraikan suasana dan keadaan setempat. Dengan prinsipnya yang tetap, Islam menawarkan penyelesaian yang bersifat anjal dan boleh berubah mengikut zaman. Justeru, apakah yang menjadi material rujukan kepada semua penyelesaian hukum? Jawapannya adalah maqasid. Semuanya akan kembali melihat kepada kepentingan masyarakat Islam pada suatu-suatu zaman.

Selain al-Qur'an dan hadis, terdapat beberapa lagi sumber lain yang digunapakai bagi menerbitkan hukum. Ia dikenali sebagai ijtihad. Ijtihad ini terhasil daripada penyelidikan hukum para mujtahid yang berkeelayakan. Salah satu syaratnya adalah mesti mahir dalam memahami ilmu maqasid. Sekiranya mereka tidak memahami maqasid, dikhuatiri mereka akan menjadi seperti ahli bid'ah dan pengikut hawa nafsu. Mereka hanya, melihat al-Qur'an secara zahir tanpa mengambil intipati yang betul dan tanpa melihat kepada maqasid (Zaharuddin Abd Rahman, 2014).

Selepas era sahabat, golongan tabi'in dan ulama'-ulama' selepasnya pula menjalankan kerja-kerja penyelidikan hukum. Antara ulama'-ulama' silam maqasid yang muncul selepas zaman sahabat adalah seperti 'Izzuddin bin 'Abdussalam, al-Qarafi dan al-Syatibi. Manakala ulama'-ulama' moden kontemporari seperti Muhammad Tahir bin 'Asyur, 'Alal al-Fasi, Ahmad al-Raisuni dan Yusuf al-Qaradawi (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2014).

3.2.4 Pembahagian Maqasid Syariah

Ilmu ini pada mulanya adalah sebahagian daripada usul fiqh tetapi Syeikh Muhammad Tahir bin 'Asyur telah mengambil pendekatan untuk menjadikan ilmu maqasid dalam disiplinnya yang tersendiri. Menurut beliau, seorang mujtahid perlu menguasai ilmu

usul fiqh dan maqasid dengan sangat baik kerana kedua-duanya ibarat ruh dan jasad (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2014).

Kebanyakan ulama' membahagikan maqasid syariah kepada dua bahagian iaitu umum dan khusus. Namun al-Raisuni kemudiannya menambah satu lagi maqasid syariah sebahagian (مَقَاصِدُ الشَّرِيعَةِ الْجَزَائِيَّةِ) menjadikannya kepada tiga (Zaharuddin Abd Rahman, 2014). Perinciannya seperti berikut:

i) Maqasid syariah umum (المَقَاصِدُ الْعَامَّةُ)

Merujuk kepada tujuan umum setiap pensyariaan hukum. Contohnya, kenapa diwajibkan solat? Jawapannya adalah untuk memperoleh kebaikan di dunia dan di akhirat. Kenapa perlu memilih pemimpin yang adil? Jawapannya adalah untuk menjaga sistem keadilan dalam masyarakat. Kenapa perlu menceburi bidang perniagaan? Jawapannya adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi. Semua jawapan adalah bertumpu kepada tujuan umum bagi mencapai kebaikan dan menolak sebarang keburukan. Di bawah kategori inilah letaknya lima penjagaan asas yang penting atas semua manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

ii) Maqasid syariah khusus (المَقَاصِدُ الْخَاصَّةُ)

Melihat kepada hikmah yang lebih khusus dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya, maqasid syariah dalam hal kekeluargaan – apa hikmahnya hak melafazkan talak di tangan suami? Dalam hal kewangan – kenapa riba diharamkan dan sebagainya.

iii) Maqasid syariah sebahagian (المَقَاصِدُ الْجَزَائِيَّةُ)

Melibatkan perkara-perkara yang perlu diambil kira bagi menentukan hukum sama ada wajib, sunat, haram atau sebagainya. Hukum-hukum ini menjadi batas atau sempadan bagi manusia dalam tindak-tanduk perbuatannya bagi mengelakkan sebarang kemudharatan. Contohnya, meminum arak hukumnya adalah haram bagi mengelakkan berlaku huru-hara dalam masyarakat. Ulama' fiqh menamakan pembahagian ketiga ini sebagai hikmah pensyariaan sesuatu hukum. Kemudian ia digantikan dengan istilah 'illah (sebab) yang digunakan dalam qiyas.

3.2.5 Elemen-Elemen Maqasid

Elemen-elemen maqasid ini merujuk kepada pembahagian maqasid syariah melihat kepada konsep masalah dan mafsadah dalam mana-mana perbuatan mukallaf. Ia dikategorikan kepada tiga tahap iaitu dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Tahap-tahap ini boleh saling bertukar keadaannya mengikut situasi semasa.

[1] Dharuriyyat (ضَرُورِيَّات)

Standard pengukuran dharuriyyat adalah apabila ia boleh memberi kesan kepada persoalan hidup dan mati manusia. Menurut Imam al-Syatibi:

*“Ia adalah sesuatu yang **MESTI ADA** bagi tujuan menegakkan kemaslahatan agama dan dunia. Tanpanya, kemaslahatan dunia ini tidak boleh ditegakkan malah sebaliknya akan musnah. Begitu juga kejayaan dan nikmat akhirat tidak boleh dicapai, sebaliknya akan mengalami kerugian”.*

Terdapat lima jenis kepentingan hidup manusia iaitu agama (حِفْظُ الدِّينِ), menjaga nyawa (حِفْظُ النَّفْسِ), menjaga keturunan (حِفْظُ النَّسْلِ), menjaga akal (حِفْظُ الْعَقْلِ) dan menjaga harta (حِفْظُ الْمَالِ). Ada sebahagian ahli fiqh menambah menjaga maruah (حِفْظُ الْعِرْضِ). Sebagai contoh, umat Islam berada dalam bahaya sekiranya aktiviti ekonomi tidak dilakukan dengan adil. Justeru, perbuatan memonopoli barang, melakukan riba, tipu dalam timbangan, mengenakan harga dan cukai yang tinggi dalam urusan jual beli dan sebagainya adalah dilarang dalam Islam kerana kesannya sangat memudaratkan. Begitu juga dalam soal penjagaan keturunan dan generasi akan datang. Pihak yang bertanggungjawab dalam menentukan dasar pendidikan negara mesti mengambil tanggungjawab mengemaskini sistem pendidikan bagi melahirkan generasi yang cemerlang sahsiah dan kualiti akademik. Kesemua ini tujuannya adalah untuk meletakkan umat Islam dalam situasi yang terbaik di dunia dan akhirat.


Imam al-Syatibi menyatakan dalam kitab beliau al-Muwafaqat, terdapat kesepakatan umum bahawa menjaga keperluan-keperluan asasi ini adalah tujuan di sebalik perundangan setiap agama yang diwujudkan, bukan hanya agama Islam (Jasser Auda, 2015).

Kategori Penjagaan Dharuriyyat

Antara petikan yang sangat menarik untuk dikongsi adalah bagaimana Mohd Daud Bakar (2018) dalam buku beliau menukikan mengenai syariah yang diwahyukan untuk hidup di masjid, pasar, rumah, parlimen, universiti, kilang, ladang, di atas muka bumi, di angkasa lepas, di alam ruh, di alam metafizik, biologi, dalam bidang perundangan, dan dalam semua kehidupan manusia. Syariah diwahyukan di semua tempat. Justeru, tidaklah adil sekiranya kita hanya meletakkan pentafsiran syariah di bahagian-bahagian tertentu atau di sesetengah tempat sahaja sebagaimana yang dilakukan sekarang. Bagi tujuan tersebut, penulis amat bersetuju dengan pendapat beliau yang melihat maqasid syariah ini dari sudut pandang yang lebih dalam dan berpijak atas sumber data dan maklumat daripada al-Qur'an. Kelompok dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat ini boleh berubah-ubah tingkatnya berdasarkan data dan maklumat yang ada. Kelima-lima tema penjagaan ini terhasil daripada data-data yang telah diperhalusi oleh ulama'-ulama' maqasid terdahulu.

(i) Menjaga agama

Menjaga agama atau dalam bahasa Arabnya *hifz ad-Deen* (حِفْظُ الدِّينِ). Ad-Deen ialah agama. Agama merupakan cara hidup (*way of life*) manusia yang merupakan makhluk mulia ciptaan Allah SWT. Agama yang paling benar dan diterima oleh Allah SWT adalah Islam. Ini bermaksud cara kehidupan yang terkandung dalam Islam adalah datang dari Allah SWT. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran (3) ayat 19 yang bermaksud: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam*”. Apabila kita menyebut bahawa Islam itu datang dari Allah SWT, maka ia berkait rapat dengan konsep tauhid. Ajaran inilah yang dibawa oleh semua nabi dan rasul bermula dari Nabi Adam a.s dan Nabi Nuh a.s hinggalah kepada penutup segala nabi dan rasul iaitu Nabi Muhammad SAW. Justeru, makna menjaga agama di sini merujuk kepada menjaga agama Islam.



Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018) menyenaraikan beberapa penulisan ulama' yang membincangkan mengenai isu memelihara agama dan hak penganut agama lain yang termasuk di bawah *hifz ad-deen*:

- Ibn 'Asyur membahaskan bahawa konsep *hifz ad-deen* perlu dikembangkan untuk mencakupi kebebasan beragama, dan menganggap ia merupakan salah satu prinsip asas agama Islam.
- Syeikh Abdul Majid Najjar berpandangan di bawah kategori *hifz ad-deen*, banyak hukum-hakam yang disyariatkan bagi memelihara *haq at-tadayyun* iaitu bagi memudahkan manusia untuk beragama.
- Syeikh Muhammad Zuhaili pula meletakkan *haq at-tadayyun* (hak untuk beragama) sebagai salah satu wasilah ke arah mencapai *hifz ad-deen*.

Jasser Auda (2015) tidak bersetuju dengan pandangan bahawa konsep kebebasan beragama ini diletakkan di bawah *hifz ad-deen*. Malah Zulkifli Mohamad al-Bakri juga mengatakan bahawa perbahasan mengenai toleransi Islam dengan agama lain tidak termasuk dalam kategori menjaga agama sebagaimana yang ada dalam maqasid syariah, tetapi ia termasuk dalam ciri-ciri dan keistimewaan syariah (خصائص الشريعة). Maqasid syariah sebagaimana yang kita fahami adalah matlamat syariah diturunkan; untuk memelihara masalah manusia di dunia dan di akhirat. Komponen penjagaan terkandung dalam *dharuriyyat al-khams* (lima kepentingan). Manakala *khasa'is al-shari'ah* pula merujuk kepada sifat-sifat syariah seperti komprehensif (*syumul*), adil, toleransi (*samahah*), sederhana (*wasatiyyah*) dan realistik (*waqi'iyah*). Ertinya, maqasid syariah dan *khasa'is al-shari'ah* itu merupakan dua perkara yang berbeza.

Kebebasan beragama yang diangkat oleh Islam tidak bermaksud Islam memelihara agama syirik dan kufur, namun kebebasan tersebut adalah bagi memelihara kesatuan masyarakat berbilang agama dan bangsa. Kebebasan beragama dan menghormati hak penganut agama lain pula tidaklah bermakna memberikan layanan yang adil dan sama rata kepada setiap agama. Ini adalah kerana keadilan bererti memberikan hak kepada yang berhak dan pada kadar yang tepat. Kata Syeikh Abdul

Qadir 'Audah, jika wujud persamaan di kalangan yang sama maka ia adalah keadilan. Sebaliknya, jika persamaan tersebut berada di antara yang berkhilaf dalam akidah maka ia adalah kezaliman yang melampau. Lebih tepat ialah kebebasan beragama boleh dikatakan sebagai jalan untuk mencapai maqasid bagi memelihara kesucian, keagungan dan kehormatan agama Islam. Agama Islam dipandang mulia apabila ia meraikan kebebasan beragama, dan suasana kebebasan beragama yang harmonis juga akan memberi persepsi yang positif dalam kalangan orang bukan Islam terhadap agama Islam (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

(ii) Menjaga nyawa

Menjaga nyawa mesti ditafsirkan dengan lebih luas, bukan terhenti setakat menjatuhkan hukuman ke atas pembunuh, qisas, membunuh diri dan lain-lain. Apabila berbincang tentang nyawa, ia merujuk kepada sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada semua manusia tanpa mengira agama, keturunan, warna kulit dan sebagainya. Nyawa adalah pemula bagi kehidupan. Nyawa setiap manusia suci dan tidak berhak dicemari oleh sesiapa pun tanpa hak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Barangsiapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan sesiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya”.

(Surah al-Ma’idah (5) : 32)

Kepentingan menjaga nyawa manusia perlu ditinjau dengan lebih luas – bagi menjamin keselamatan nyawa manusia, kita memerlukan penyusunan sistem yang cekap seperti aspek keselamatan di tempat kerja, kepantasan pasukan keselamatan seperti ambulans dan bomba dalam operasi menyelamatkan, penyelenggaraan air bersih bagi tujuan kegunaan setiap isi rumah, mewujudkan makmal pemprosesan makanan yang suci dan bersih, menaik taraf sistem bagi mencukupkan bekalan darah di hospital bagi kegunaan pesakit-pesakit yang memerlukan dan sebagainya. Dalam aspek sains dan teknologi, kita boleh melihat bagaimana negara-negara maju sangat terkehadapan dalam bidang perubatan dan kesihatan, sebagai contoh, dalam kes kekurangan darah di hospital-hospital atau pusat darah. Australia, Amerika Syarikat, negara-negara Eropah bahkan Israel sangat jauh meninggalkan negara-negara Islam dengan pembinaan kilang bagi menghasilkan plasma darah yang diperlukan bagi merawat pesakit yang memerlukan. Bahkan mereka mengeksport bekalan darah ke negara-negara lain seluruh dunia. Sangat aneh bagi negara-negara Islam yang banyak berbicara tentang maqasid dalam menjaga nyawa manusia tetapi tidak mempunyai pengetahuan dan kemajuan dalam teknologi ini (Mohd Daud Bakar, 2018).

Atas pemikiran tersebut, maka percambahan baharu dalam memahami aspek penjagaan nyawa manusia perlu diperluaskan. Semuanya memerlukan data dan maklumat yang bersifat empirikal. Itulah tujuan syariah bagi memastikan nyawa manusia terjaga dalam keadaan yang seharusnya. Kita tidak boleh menyempitkan pemikiran maqasid ini hanya kepada skop yang kecil dan tidak terbuka kerana syariah

itu sendiri tujuannya adalah untuk memastikan kehidupan manusia mencapai standard yang tinggi.

(iii) Menjaga akal

Akal ialah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia. Fungsi akal sangat hebat dan menakjubkan. Sesuatu yang menakjubkan ini bukan diberikan secara percuma. Ia perlu digunakan seoptima mungkin bagi tujuan kebaikan manusia itu sendiri.

Harun Nasution menghuraikan perkataan akal dalam pengertian Islam bukanlah otak, tetapi akal adalah daya berfikir yang terdapat dalam jiwa manusia (Taufik Pasiak, 2009). Perkataan akal diambil daripada bahasa Arab *al-aql'* (العقل) atau *'aqala'* (عقل). Perkataan *'aqal* telah digunakan oleh bangsa Arab sebelum kedatangan agama Islam bahkan sebelum itu lagi. Kamus Dewan mendefinisikan akal sebagai budi, fikiran, daya upaya, ikhtiar, muslihat atau tipu daya. Kamus-kamus bahasa Arab pula memberi maksud akal (secara harfiah) sebagai pengertian *al-imsak* (menahan), *al-ribath* (ikatan), *al-hijr* (menahan), *al-nahy* (melarang) dan *al-man'u* (mencegah). Ibn Manzur memberi pengertian *al-'aqal* dengan enam pengertian iaitu akal fikiran, menahan, mencegah, membezakan, tali pengikat, dan ganti rugi. Daripada pengertian tersebut, Syed Muhammad Naquib al-Attas menyimpulkan bahawa akal sebagai organ yang 'mengikat' dan 'menahan' objek ilmu dengan kata-kata atau bentuk-bentuk yang lain (Taufik Pasiak, 2009). Ini bermaksud manusia tidak akan melakukan sebarang perkara yang boleh memudaratkan dirinya sekiranya akal digunakan dengan sebaik mungkin.

Makna menahan dan mengikat ini didapati mempunyai hubungkait langsung dengan apa yang Allah SWT sebutkan di dalam al-Qur'an mengenai fungsi akal. Sebagai contoh, orang yang gila (tidak berakal) tidak diharuskan beribadah. Mereka ditahan atau disekat daripada melakukan ibadah kerana mereka tidak mempunyai akal. Allah SWT juga menyebut di dalam al-Qur'an bagaimana manusia yang tidak menggunakan akalnya dengan baik mempunyai moral yang sangat nipis. Dalam ayat-ayat yang berkaitan derhaka kepada ibu bapa, membunuh anak kerana takut kemiskinan, melakukan perkara-perkara keji dan sebagainya menjadi bukti bahawa perbuatan-perbuatan tersebut hanya dilakukan oleh orang yang tidak bermoral dan tidak mempunyai akal yang baik.

Justeru, penjagaan akal tidak boleh sekadar merujuk kepada hukuman hudud bagi peminum arak sahaja bahkan ia lebih daripada itu. Syariah bukan sekadar membincangkan mengenai arak, mabuk, gila, pengsan dan sebagainya. Dalam konteks sekarang, pentafsiran semula penggunaan akal di tahap paling optima perlu difikirkan. Sebagai contoh, dalam membuka peluang pendidikan kepada generasi muda di Malaysia dengan menggunakan teknik dan kaedah yang berkesan. Kini masyarakat banyak membincangkan mengenai struktur silibus baru di sekolah-sekolah rendah dan menengah bahkan di peringkat universiti. Masyarakat yang berilmu adalah masyarakat yang bertamadun. Mereka akan menggunakan kemampuan akal fikiran mereka sepenuhnya, maka keperluan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan amatlah perlu bagi melahirkan generasi yang mempunyai minda kelas pertama. Silibus-silibus pelajaran yang membebankan pelajar harus dikaji semula. Siapakah yang akan

mencipta teknologi-teknologi moden ini pada masa-masa akan datang? Jawapannya tentulah generasi-generasi pelajar yang ada pada hari ini. Justeru, akal perlu digunakan sebaik mungkin sepertimana para ulama' terdahulu yang menulis pelbagai buku, yang mencipta pelbagai inovasi demi kemajuan tamadun Islam. Kesemuanya ini memerlukan akal yang tajam dan bernas. Akal yang bersih ini terhasil daripada batang tubuh manusia yang mempunyai moral yang tinggi.

(iv) Menjaga keturunan

Dalam ajaran Islam, keluarga merupakan unit asas kepada pembinaan masyarakat. Kerana itu pembinaan masyarakat yang sejahtera banyak bergantung kepada pembentukan keluarga yang baik dan stabil. Berasaskan prinsip masalah dan mafsadah dalam menjaga keturunan, pendekatan maqasid mempunyai objektif utama yang hendak dicapai (Mahmood Zuhdi, 2015):

- 1) Menjamin terbentuknya keluarga dan masyarakat beragama berasaskan kerangka al-Qur'an dan hadis.
- 2) Menjamin keselamatan keluarga dan masyarakat daripada apa saja bentuk pencerobohan yang boleh mengganggu kesejahteraan diri dan anggota setiap warganegara.
- 3) Melahirkan keluarga dan masyarakat terpelajar yang tinggi nilai intelektual.
- 4) Memberi jaminan bahawa setiap keluarga dalam masyarakat mempunyai peluang untuk meneruskan proses pembelajaran sepanjang hayat.
- 5) Menghapuskan atau mengurangkan nisbah kemiskinan di kalangan keluarga dalam masyarakat.
- 6) Mengawal maruah keluarga dan masyarakat agar tidak dicemari oleh nilai-nilai negatif kepada keluarga itu sendiri dan masyarakat umum.

Antara pendekatan maqasid yang dilakukan oleh pihak kerajaan baru-baru ini bagi mengemaskini modul kursus perkahwinan amatlah dipuji. Perkahwinan diibaratkan seperti sebuah perjanjian iaitu kehidupan panjang yang memerlukan persefahaman. Justeru latihan yang sewajarnya amat diperlukan supaya perkahwinan dalam tempoh enam bulan pertama iaitu tempoh paling sukar memahami satu sama lain dapat ditempuhi dengan baik oleh suami isteri. Dengan adanya modul baharu, pasangan yang berkahwin akan didedahkan dengan kemahiran melayari bahtera di samping tekanan keluarga, persekitaran, pekerjaan dan sebagainya (Siti Rohana Idris, 2018). Negara yang diberkati bermula dengan pembentukan modal insan yang bermutu berasaskan peraturan wahyu.

(v) Menjaga harta

Ekonomi dan kewangan merupakan salah satu agenda besar di bawah pemerintahan sesebuah negara. Oleh kerana itu sebuah pemerintahan Islam perlu memberi tumpuan yang serius terhadap bidang ini dan memastikan bahawa seluruh rakyatnya bekerja kuat bagi mencapai objektif berkenaan. Berasaskan prinsip masalah dan mafsadah, pendekatan bagi menjana keutuhan ekonomi dan kewangan dapat dijelmakan menerusi kaedah-kaedah berikut (Mahmood Zuhdi, 2015):

- i) Menyediakan pelan pembangunan ekonomi berasaskan prinsip Islam yang memfokuskan kesejahteraan masyarakat bagi tujuan kebahagiaan dunia dan akhirat.
- ii) Membendung dan mengawal segala sifat boros, penyelewengan ekonomi dan kewangan yang boleh merosakkan kesejahteraan diri dan masyarakat seluruhnya.
- iii) Menyediakan infrastruktur ekonomi dan kewangan bagi tujuan pembangunan setiap peringkat pendidikan bagi semua lapisan masyarakat.
- iv) Menyediakan infrastruktur bagi mengawal penyalahgunaan kuasa ekonomi dan kewangan bagi kepentingan yang tidak sah atau wajar.
- v) Menyediakan infrastruktur bagi menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang sihat berasaskan nilai murni dan akhlak mulia.

Banyak isu ekonomi yang perlu diberikan perhatian khusus pada masa kini seperti pengurusan kewangan peribadi, isu-isu perniagaan *online*, pemilikan ekuiti masyarakat Melayu, pemilikan rumah golongan muda, pembangunan harta wakaf dan sebagainya. Contohnya, isu pemilikan rumah oleh golongan muda Malaysia antara yang sering dibincangkan. Kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBBM) mendapati sebanyak 86% daripada 903 orang responden belia yang berusia 26 hingga 30 tahun masih belum memiliki rumah sendiri. Manakala 58% golongan muda di dalam lingkungan umur 31 hingga 35 tahun masih tidak mempunyai rumah sebagai aset dan pelaburan masa depan. Hasil kajian ini dibentangkan pada tahun 2011 (Kamarul Rashdan Salleh, 2013).

Sehingga kini rumah di Malaysia masih 'sangat tidak mampu untuk dimiliki' jika diukur mengikut standard purata pendapatan isi rumah. Harga rumah mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan pada RM282,000. Walau bagaimanapun, purata harga rumah sebenar ialah RM313,000 dan ini melangkaui kemampuan kebanyakan isi rumah Malaysia kerana pendapatan isi rumah negara secara puratanya hanyalah RM5,228. Implikasinya, hasil daripada ketidakpadanan bekalan-permintaan yang meruncing dan faktor-faktor lain yang berkaitan, jumlah rumah kediaman yang tidak terjual di Malaysia kini adalah yang tertinggi dalam tempoh sedekad, iaitu 146,497 unit pada suku kedua 2017, meningkat daripada 130,690 unit pada suku pertama 2017. Pada suku kedua 2017, hampir 82% daripada unit yang tidak terjual merupakan rumah berharga lebih daripada RM250,000 (Cheah, Almeida dan Ho, 2017).

Isu tersebut hanyalah sebahagian daripada ribuan isu lain yang memerlukan sikap cakna kita sebagai umat Islam dalam mengurus harta dan ekonomi umat. Menjamin kestabilan ekonomi umat Islam merupakan suatu perkara serius yang mesti diselesaikan dengan cara yang berhemah. Allah SWT telah mengajar manusia untuk mengurus harta dengan baik kerana semua nikmat yang ada di muka bumi ini disediakan oleh Maha Pencipta untuk kesenangan manusia (Surah Luqman (31) : 20). Terdapat beberapa garis panduan yang boleh diamalkan bagi mencapai objektif penjaan kewangan yang berkesan (Abdul Halim Abd Kadir, Nor 'Azzah Kamri dan Baharom Kassim, 2013):

- i) Mengikuti panduan mencari rezeki atau harta yang halal.

- ii) Memahami cara menafkahkan harta pada jalan-jalan yang disyariatkan.
- iii) Memahami hak-hak Allah SWT terhadap harta yang perlu ditunaikan.
- iv) Mengetahui larangan mengeksploitasi harta dengan cara yang salah.

Semuanya ini memerlukan penyelesaian yang memberikan situasi menang-menang (*win-win situation*) kepada semua pihak. Itulah masalah yang dikehendaki oleh Allah SWT ke atas setiap hambaNya.

[2] Hajjiyyat (حَاجِيَّات)

Hajjiyyat bermaksud sesuatu yang diperlukan bagi tujuan kemudahan hidup manusia terutamanya bagi keperluan individu. Contohnya, perkahwinan. Walaupun seseorang itu tidak berkahwin dan bujang untuk selamanya, ia tidak mengganggu persoalan hidup dan mati manusia. Walau bagaimanapun, apabila ia melibatkan kapasiti sebilangan besar masyarakat yang tidak berkahwin maka peringkat hajjiyyat akan berpindah kepada dharuriyyat (Jasser Auda, 2015). Ini kerana kesannya akan membawa kepada mudarat yang lebih besar.

[3] Tahsiniyyat (تَحْسِينِيَّات)

Tahsiniyyat bermaksud sesuatu yang memberi keselesaan hidup bagi melengkapkan kehidupan manusia dari segala segi. Sebagai contoh, urusan-urusan hidup manusia yang berkaitan dengan rupa bentuk, akhlak, etika dan sebagainya. Menurut Imam al-Ghazzali, tahsiniyyat adalah peringkat memperbaiki, memperindah serta mempermudah suatu keadaan supaya mendatangkan nilai tambah sama ada dalam urusan harian mahupun muamalat. Ketiadaannya membawa kepada kehidupan yang keji pada pandangan orang yang berakal. Sebagai contoh, memakai pakaian yang baik dalam solat (Yasir Abdullah, t.t.).

Elemen-elemen maqasid syariah ini boleh saling berkaitan antara satu sama lain. Sebagai contoh dalam urusan perkahwinan dan perniagaan (hajjiyyat) dalam menjaga keturunan dan harta. Mana-mana satu yang mewujudkan lompong yang besar maka ia perlu dinaikkan kepada tahap dharuriyyat yang lebih tinggi. Sebagai contoh, kes perkahwinan kanak-kanak 11 tahun dengan seorang lelaki berumur 41 tahun telah mencetuskan isu yang kemudiannya menyebabkan pihak kerajaan mengambil tindakan menaikkan had umur yang sesuai bagi perempuan untuk berkahwin mengikut undang-undang negara. Tahap hajjiyyat dalam urusan perkahwinan tadi telah bertukar kepada tahap dharuriyyat kerana ia melibatkan perihal penjagaan keturunan.

3.2.6 Kepentingan Ilmu Maqasid Syariah

Tidak dinafikan maqasid syariah sangat penting dan berfungsi sebagai agen penyumbang kefahaman syariah dalam kehidupan manusia. Antara kepentingannya yang lain adalah sebagaimana berikut:

1) Maqasid syariah sebagai asas untuk ijtihad baharu.

Dalam mendepani abad ke-21, polemik masyarakat dalam pelbagai isu memerlukan penyelesaian yang bersifat toleran. Perlakuan manusia mukallaf tertakluk kepada pembalasan pahala dan dosa. Namun tidak semudah itu kita boleh meletakkan hukum. Sekiranya maqasid tidak difahami dengan baik, maka akan berlakulah seperti apa yang dipegang oleh golongan Zahiriyyah dalam mentafsirkan nas. Sebagai contoh, Rasulullah SAW dalam hadis baginda mengenai keperluan meminta izin anak gadis yang akan dikahwinkan. Baginda SAW menyebut, "Anak perempuan diminta izin dan izinnya adalah diam". (Riwayat Bukhari). Aliran Zahiriyyah memahami hadis tersebut dari segi lafaznya secara literal. Mana-mana anak gadis yang menyatakan persetujuan secara berlafaz di mulut, maka perkahwinan tidak boleh dilakukan kerana ia bertentangan dengan lafaz zahir hadis tersebut (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2014). Pendapat-pendapat sebegini dilihat aneh dan tertutup bahkan menghalang kemampuan akal manusia untuk menggali lebih banyak hikmah di sebalik mana-mana pensyariatian hukum Allah SWT.

2) Landasan kebersamaan pelbagai mazhab.

Menurut Jasser Auda (2015), perbezaan mazhab yang paling ketara pada zaman ini adalah antara Sunni dan Syiah yang berpunca daripada pelbagai faktor terutamanya politik. Namun begitu, beliau telah menjalankan satu kajian untuk meninjau penggunaan maqasid di kalangan ulama' Sunni dan Syiah. Beliau mendapati bahawa mereka mencapai titik persamaan di situ. Mereka memfokuskan keutamaan paling tinggi berbanding perkara-perkara kecil. Oleh kerana itu, Ayatullah Mahdi Shamsuddin melarang keganasan antara Syiah dan Sunni berdasarkan tujuan-tujuan yang lebih tinggi dan asasi iaitu keharmonian, kesatuan dan keadilan.

3) Berfungsi sebagai pentafsir perlakuan Nabi Muhammad SAW.

Segala apa yang terzahir daripada Nabi Muhammad SAW semuanya berdasarkan wahyu yang kemudiannya menjadi panduan kepada semua umat manusia untuk diikuti. Namun, perilaku Nabi SAW berlaku dalam pelbagai cara dan kaedah bagi menunjukkan implikasi yang berbeza dalam pengamalan syariah. Semuanya ini diperhalusi oleh para ulama' mengikut maqasid yang tertentu. Antaranya ada sabda baginda SAW yang menunjukkan tujuan pensyariatian seperti khutbah Nabi SAW ketika haji wada' (حُجَّةُ الْوَدَاعِ) tentang tatacara mengerjakan haji. Selain itu, ada yang berbentuk penghakiman, tujuan perdamaian, tujuan memberi panduan, tujuan memberi pandangan, tujuan memberi nasihat, tujuan memberi fatwa dan sebagainya.

Justeru, menguasai ilmu maqasid sangatlah penting bagi pemikir-pemikir Islam pada masa kini. Musibah akan berlaku sekiranya umat Islam berfikiran beku dan tidak selari dengan perkembangan ilmu semasa. Pembaharuan yang diinginkan adalah dengan menambah apa yang kurang dan mencantikkan apa yang cacat tanpa menggugat usul agama (Fauwaz Fadzil Noor, 2018).

3.2.7 Maqasid Syariah Era Kontemporari

Timbul satu persoalan apabila membincangkan mengenai peranan maqasid syariah dalam pembaharuan Islam kontemporari – bagaimana terhasilnya lima kepentingan asas yang selalu dibincangkan dalam ilmu maqasid syariah ini? Menurut Mohd Daud Bakar (2018), lima kepentingan asas maqasid terhasil daripada kajian dan penyelidikan ulama'-ulama' maqasid yang terdahulu. Sumbernya adalah daripada al-Qur'an. Mereka menggali dan meneliti ayat-ayat Allah SWT yang mana di penghujungnya mereka mendapati lima perkara (الصَّرُورِيَّاتُ الْخَمْسُ) inilah yang mesti dijaga oleh setiap manusia. Mereka mengumpul ayat-ayat daripada mula al-Qur'an sehinggalah tamat maka didapati ada ayat-ayat yang menceritakan tentang arahan mendirikan solat, menunaikan puasa, menjaga akidah, menjaga ibadat-ibadat yang lain dan sebagainya. Maka para ulama' mengambil kira itu adalah tujuan syariah daripada Allah SWT untuk manusia menjaga agama. Oleh kerana itu, menjaga agama dimasukkan sebagai salah satu kepentingan asas yang lima. Begitu juga dengan kepentingan-kepentingan yang lain.

Timbul pula persoalan – apakah garis panduan yang menjadi rujukan para ulama' terdahulu dalam mencerakinkan data-data daripada al-Qur'an bagi menjelmakan kelima-kelima asas ini? Mohd Daud Bakar (2018) menjelaskan sebagai contoh, Imam al-Ghazzali telah meletakkan standard jika sesuatu tema itu disebut 50 kali dalam al-Qur'an, maka ia menjadi suatu yang penting yang ditekankan oleh Allah SWT untuk sekalian manusia. Namun menurut beliau, cukup dengan hanya 10 kali dan lebih apabila Allah menyebut tentang sesuatu maka tema itu boleh diangkat menjadi salah satu maqasid syariah yang baru. Oleh kerana itu, perlu difaham bahawa ilmu maqasid adalah ilmu teori. Mungkin selepas ini akan muncul ratusan malahan ribuan kepentingan asas yang perlu dijaga oleh manusia berbanding lima yang ada pada masa sekarang.

Ilmu maqasid juga perlu dilihat sebagai ilmu pendekatan, bukan hanya bersifat format dengan menumpu kepada fahaman secara literal sahaja. Terdapat segelintir manusia yang menganggap semua perkara tidak mungkin difahami kerana objektifnya hanya Allah SWT yang mengetahui. Tugas manusia hanyalah menurut dan mengamalkan. Fahaman tersebut adalah salah kerana maqasid syariah menuntut kita untuk bergerak dalam mencari pendekatan yang sesuai bagi mencapai objektif (Mahmood Zuhdi, 2015). Justeru, antara cabaran keilmuan bagi pemikir-pemikir Islam pada masa sekarang adalah untuk mengeluarkan maqasid dengan betul daripada sumber wahyu agar ia selari dengan perkembangan dunia semasa. Sebagai contoh, pemahaman mengenai empat jenis zakat yang wajib dikeluarkan. Rasulullah SAW mewajibkan zakat ke atas *tamar*, kismis, gandum dan barli. Para ulama' yang melihat semata-mata kepada arahan literal mewajibkan mestilah empat jenis tanaman tersebut sahaja yang perlu dizakatkan. Tetapi bagi ulama' yang lebih melihat kepada objektif di sebalik arahan tersebut, mereka memahami bahawa yang dikenakan zakat ialah apa saja yang menjadi makanan ruji masyarakat setempat. Kerana pada zaman baginda SAW empat jenis makanan itulah yang bersifat ruji. Oleh itu, di Malaysia ia dikenakan ke atas padi kerana beras merupakan makanan ruji dalam masyarakat ini (Mahmood Zuhdi, 2015).

Pada masa kini banyak pihak menjadikan maqasid syariah sebagai topik perbahasan bagi menyelesaikan masalah umat. Ia disifatkan sebagai wawasan Islam

yang paling besar sehinggakan di Malaysia juga konsep maqasid dijadikan asas rujukan bagi apa-apa sahaja isu yang memerlukan solusi. Akan tetapi malangnya, kefahaman terhadap konsep maqasid yang sebenar masih rapuh bukan sahaja dalam kalangan masyarakat awam bahkan mereka-mereka yang berada di lingkungan pihak yang berautoriti juga. Kita hanya memahami maqasid secara asas tanpa menggali apakah sumbangan bermakna yang boleh diberikan oleh ilmu ini.

Mohd Daud Bakar (2018) telah membawakan perbincangan yang menarik bagi menggali semula identiti sebenar ilmu maqasid. Pentafsiran ke atas maqasid syariah mestilah berdasarkan kajian empirikal yang terhasil daripada penelitian ke atas data-data yang diperolehi daripada al-Qur'an, hadis dan kajian ilmu semasa. Ilmu maqasid perlu difahami dengan lebih luas kerana ia bukanlah terhad semata-mata membincangkan persoalan halal dan haram. Maqasid ialah wajah dan suara syariah (*face and voice of syariah*). Ia merupakan polisi umum Islam yang tertinggi. Ia boleh dijangkai melebihi apa yang telah digariskan oleh mujtahid-mujtahid terdahulu. Bahkan Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a dalam isu harta yang diwajibkan zakat telah membuat keputusan selain daripada keputusan Rasulullah SAW yang sedia ada. Beliau menyenaraikan kuda-kuda yang terbaik menjadi sebahagian daripada harta yang diwajibkan zakat, sekalipun arahan Rasulullah SAW adalah jelas dalam mengecualikan kuda sebagai harta yang perlu dizakatkan. Hujah beliau adalah kuda-kuda pada zaman tersebut lebih bernilai tinggi berbanding unta yang menjadi antara harta yang dizakatkan pada zaman baginda SAW (Jasser Auda, 2015). Ini menunjukkan bahawa sesuatu polisi yang telah ada pada zaman sebelumnya boleh diolah dan digubal semula menggunakan ilmu maqasid.

Pendapat ini turut dipersetujui oleh Jasser Auda (2015) yang menyifatkan bahawa sikap berhati-hati dalam memperkembangkan lagi istilah-istilah maqasid sebagai tidak perlu. Beliau menolak pendapat sesetengah sarjana kontemporari yang menentang idea memasukkan konsep-konsep baru dalam maqasid seperti elemen keadilan dan kebebasan. Mereka mahu mempertahankan maqasid syariah dengan apa yang sudah sedia terkandung dalam elemen klasik yang lima dan tidak boleh lebih daripada itu. Namun, penolakan tersebut dianggap tidak relevan kerana ulama'-ulama' maqasid sekalipun sudah mula mencambahkan cara baharu dalam menterjemahkan setiap elemen sedia ada. Sebagai contoh, Ibn 'Asyur mewujudkan maqasid *al-'A'ilah (care for the family)* sebagai maqasid yang tersendiri dalam perundangan Islam (Jasser Auda, 2015). Ini membuktikan bahawa maqasid syariah boleh diperkembangkan mengikut cara baharu yang difikirkan sesuai.

Dalam aspek penjagaan akal misalnya tidak lagi boleh terhad semata-mata kepada minuman yang memabukkan. Sekarang ia sedang berkembang bagi memasukkan penyebaran pemikiran saintifik, menentang mentaliti masyarakat yang rendah, mengelakkan *brain drain* (penghijrahan golongan-golongan profesional yang pakar dalam bidang-bidang tertentu ke negara-negara luar) dan sebagainya (Mohd Daud Bakar, 2018). Usaha bagi mempelbagaikan teori maqasid atau memperbaharui elemen yang sedia ada sangat penting dan menjadi indikator yang jelas bagi menunjukkan bahawa ilmu maqasid perlu berjalan seiring dengan zaman dan landskap kehidupan masyarakat semasa.

3.3 KHILAFIYYAH

3.3.1 Pendahuluan

Manusia diciptakan Allah berbeza bangsa, warna kulit, bahasa, cara hidup dan sebagainya. Justeru, kesemuanya ini mendorong kepada berlakunya perbezaan pendapat dalam hal-hal tertentu. Berbeza pendapat adalah satu perkara fitrah bagi manusia. Islam sendiri meraikan perbezaan pendapat selagi mana ia membawa kepada kebaikan. Dengan perbezaan pendapat inilah juga menyebabkan munculnya mazhab yang pelbagai dan gaya berfikir yang berbeza.

3.3.2 Definisi Khilafiyah

Khilafiyah merupakan kata terbitan daripada kata dasar kha-la-fa (خَلَفَ). Daripada perkataan ini juga lahirnya perkataan ikhtilaf. Dari segi bahasa, ikhtilaf bermaksud perbezaan, percanggahan dan tiada persepakatan (Ibn Manzur, 1990). Menurut Kamus Dewan (2002), ikhtilaf ialah perbezaan faham (pendapat) mengenai sesuatu perkara, manakala khilaf pula bermaksud salah, keliru, silap.

Ikhtilaf dari segi istilah bermaksud kepelbagaian pendapat dan pandangan para mujtahid dan ahli fikir dalam masalah-masalah yang tidak mempunyai dalil yang pasti (Syed Salim Shamsuddin dan Abdul Manan Ismail, 2018). Ikhtilaf juga bermaksud dua orang atau lebih mengambil dua jalan (manhaj) yang berlawanan dalam sesuatu urusan, sama ada urusan yang berkenaan dengan pendapat atau pandangan akal, kata-kata, perbuatan ataupun pendirian, yang berdasarkan prinsip dan asas tertentu yang dilihat sebagai benar oleh salah seorang dari mereka dan dilihat sebagai salah oleh yang lain (Sano, 2000). Khilafiyah pula merujuk kepada perkara-perkara yang menimbulkan pertikaian yang tidak mempunyai nas yang tepat mengenai hukumnya.

3.3.3 Faktor Berlakunya Ikhtilaf

Yusuf al-Qaradawi membawakan pandangan Hasan al-Banna dalam menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan pendapat (Basri Ibrahim, 2010):

1) Perbezaan daya intelektual.

Setiap manusia mempunyai aras intelektual yang berbeza. Ada yang lebih dan ada yang kurang. Bagi seseorang pemikir atau penggubal sesuatu dasar, ia akan memberi kesan dalam mengeluarkan sesuatu pandangan atau hukum. Perbezaan dalam memahami nas mungkin akan berbeza antara satu sama lain. Justeru, akan muncul pelbagai pendapat bergantung kepada tahap pemikiran dan keilmuan seseorang dalam mentafsirkan sesuatu isu.

2) Keluasan dan kesempitan ilmu.

Kadang-kadang sampai kepada seorang alim, sesuatu hadis yang tidak sampai kepada orang alim yang lain. Berdasarkan kepada perkara inilah, Imam Malik pernah berkata kepada khalifah Abu Jaafar, ketika khalifah Abu Jaafar berusaha mengajak masyarakat supaya beramal dengan kitab al-Muwatta': "*Para sahabat Rasulullah SAW bertebaran di serata bandar utama negara Islam. Setiap masyarakat mempunyai ilmunya sendiri. Jika mereka diajak berpegang dengan satu pendapat sahaja, akan berlaku fitnah*".

3) Perbezaan persekitaran.

Perbezaan persekitaran juga memainkan peranan penting yang menyebabkan wujudnya perbezaan pendapat dalam perkara cabang fiqh. Perbezaan ini menyebabkan pelaksanaan berbeza mengikut perbezaan setiap persekitaran. Imam al-Syafie, misalnya mengeluarkan fatwa lamanya di Iraq, manakala fatwa baharunya di Mesir. Di dalam setiap fatwa itu, beliau berdasarkan kepada dalil-dalil yang sampai dan jelas kepadanya.

4) Perbezaan kepuasan hati terhadap riwayat hadis.

Setiap imam berpuas hati dengan riwayat yang disampaikan kepadanya oleh seseorang imam. Tahap kepuasan ini pula berbeza di antara seorang imam dengan seorang imam yang lain. Ada perawi yang dipercayai oleh seseorang imam dan imam itu merasa berpuas hati dengannya dan mengambil riwayat yang dikemukakan olehnya, tetapi ada di kalangan imam lain yang tidak berpuas hati dengan riwayat tersebut.

5) Perbezaan penilaian kandungan makna hadis.

Perbezaan penilaian kandungan makna yang terdapat di dalam sesebuah hadis yang menjadi dalil, juga memberi kesan kepada kewujudan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama' terdahulu. Ada ulama' yang berpendapat amalan orang ramai itu (*khobar mutawatir*) didahulukan daripada berita-berita yang disampaikan oleh orang perseorangan (*khobar ahad*). Ulama' lain pula tidak berpendapat sedemikian. Ada ulama' yang menerima pakai hadis mursal dan ada yang tidak menerimanya.

3.3.4 Polemik Perbezaan Pendapat Pada Masa Kini

Asas perkara kepada berlakunya perbezaan pendapat dalam kalangan umat Islam ialah apabila ia dianggap bersalahan dengan apa yang ada disebut dalam al-Qur'an mahupun hadis Nabi SAW. Manusia keseluruhannya membesar dalam persekitaran yang berbeza dengan tahap ilmu yang tidak sama antara satu sama lain. Kaedah pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berbeza memberikan sudut pandang yang saling berlainan antara para ulama'. Begitu juga dalam pentafsiran terhadap segala percakapan dan perlakuan Nabi Muhammad SAW yang menerbitkan keputusan yang mungkin tidak sama.

Namun, sejarah dahulu telah membuktikan bahawa para sahabat yang mulia juga pernah melakukan perkara-perkara baru yang tidak pernah diajar atau disuruh oleh Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan baginda. Antaranya, Sayyidina Abu Bakar

al-Siddiq r.a bertindak mengumpulkan al-Qur'an, Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a memerintahkan solat tarawih dilakukan secara berjemaah dan Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a mencipta selawat ke atas Nabi SAW (Muhadir Haji Joll, 2015). Ini semua mengundang perbahasan yang panjang dalam kalangan para sahabat pada suatu ketika dahulu kerana perbuatan-perbuatan tersebut tidak pernah sama sekali dilakukan oleh baginda SAW. Namun, Islam mengajar kita bahawa tidak salah untuk saling berbeza pendapat tentang sesuatu perkara. Al-Qur'an menyebut dalam surah Hud (11) ayat 118-119 yang bermaksud: "*Jikalau Tuhanmu mengkehendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berikhtilaf (berselisih pendapat). Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka*".

Terdapat panduan khusus yang telah disediakan oleh Islam dalam berbeza pendapat. Malangnya, ada sebahagian daripada mereka yang menolak ke tepi panduan tersebut. Hasilnya budaya mengkafir, menuduh bid'ah, sesat dan sebagainya kian menjadi-jadi sesama muslim. Ini secara jelas lagi nyata bukanlah daripada ajaran Islam. Islam adalah agama keindahan, permuafakatan, saling bertukar pendapat dan saling berbincang bagi menyelesaikan masalah umat. Tidak ada salahnya berbeza pandangan, bahkan mereka yang berpandangan salah juga mendapat pahala atas kesungguhan mencari penyelesaian. Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "*Jika seorang hakim berjihad kemudian ijtihadnya didapati betul, maka ia berhak mendapat dua pahala, namun jika ia berjihad lalu salah, maka ia mendapat satu pahala*" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Umat Islam juga harus sedar terdapat banyak lagi agenda ummah yang perlu diutamakan seperti soal perpaduan, pengukuhan politik Melayu-Islam dan kemunduran ekonomi umat Islam. Dalam masa sama, negara juga berdepan situasi jenayah yang kian hari membimbangkan. Isu LGBT, penyalahgunaan dadah, penculikan, gangsterisme, kongsi gelap, pelacuran, rempit, rogol dan bunuh semakin berleluasa. Kita lupa dan terus berpolemik di sekitar perdebatan yang tidak bertepi seperti membicarakan isu klasik sekitar masalah khilafiyah yang ternyata dari segi sejarah telah menyebabkan berlaku perpecahan ummah. Permasalahan ini juga memerlukan kekuatan benar-benar ampuh dan telus untuk menghadapinya. Justeru, hal-hal cebisan yang tiada kena mengena dengan matlamat utama Islam haruslah dihindarkan. Para ulama' klasik pada zaman dahulu mengambil pendekatan yang sangat bijak apabila terlebih dahulu bersetuju untuk berbeza pendapat (*agree to disagree*) dalam mana-mana perbincangan isu. Inilah sikap yang perlu kita amalkan apabila berdiskusi tentang sesuatu perkara.

Kita tidak harus terpedaya dengan perangkap musuh Islam yang ingin melihat umat Islam terus berpecah-belah kerana masalah-masalah ranting dan pada masa yang sama pula mengabaikan isu-isu pokok yang sepatutnya diberi keutamaan oleh umat Islam. Sejarah Islam telah mencatatkan satu daripada punca kemunduran peradaban Islam adalah kerana kelekaan berpolemik tentang masalah-masalah cabang (*furu'*) ini.

3.3.5 Pendekatan Menangani Ikhtilaf

Apabila berbincang tentang perbezaan pendapat, kebanyakannya berlaku dalam permasalahan fiqh dan hukum. Apabila masyarakat berkembang dengan aturan masa dan sistem terkini, mereka semakin terdedah kepada kepelbagaian cara menanggapi

persekitaran. Ikhtilaf boleh sahaja berlaku dalam mazhab-mazhab yang berlainan ataupun dalam sesama mazhab. Yusuf al-Qaradawi mencadangkan manusia menggunakan pendekatan yang positif dalam menanganinya (Basri Ibrahim, 2010). Beberapa pendekatan ini diaplikasikan sama ada daripada golongan ulama' mahupun orang awam:

1) Berlaku adil kepada orang yang tidak sehaluan.

Sekiranya kita tidak sependapat dengan mana-mana individu atau pihak-pihak tertentu, penilaian yang dibuat ke atasnya perlulah dilakukan dengan adil. Konsep keadilan tidak mengira sentimen, agama, kawan atau lawan. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah (5) ayat 8 yang bermaksud: "*Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan*".

2) Bertoleransi dalam perkara yang menimbulkan perbezaan.

Sikap berlapang dada sangat dituntut dalam Islam. Sekiranya pendapat kita tidak diterima dan bercanggah dengan kebanyakan orang lain, maka pendekatan terbaik yang perlu diambil adalah dengan bertoleransi. Tidak boleh sama sekali mengaibkan pihak lain dengan menolak pendapat mereka secara membuta tuli. Tidak dibenarkan juga bersikap taksud dengan data dan informasi yang kita ada dengan anggapan bahawa pendapat kita adalah yang terbaik. Islam merupakan agama keharmonian. Walaupun tidak wujud persamaan dalam perbincangan, namun adab dan akhlak muslim masih perlu dijaga dan dipelihara.

3) Bekerjasama di dalam perkara yang disepakati.

Berbeza pendapat hanya dibenarkan dalam perkara-perkara yang berkenaan sahaja. Manakala bagi perkara-perkara lain kita dianjurkan untuk saling bersepakat. Para ulama' selalunya hanya berbeza pendapat dalam isu-isu yang kecil tanpa menyentuh perkara lain yang tidak berkaitan. Antara isu besar yang disepakati oleh mereka adalah dalam hal menjaga perpaduan umat Islam, menentang golongan-golongan fasik dan sebagainya.

4) Berdialog dengan cara yang baik.

Perkara penting dalam mengadakan dialog ialah seseorang itu tahu objektif dialog, berusaha untuk memenuhi adab dialog dan menekuni bahasa dialog itu sendiri. Bukanlah menjadi tujuan dialog, pihak yang tidak sehaluan mesti menggugurkan pendapatnya, sama ada untuk menerima pakai pendapat orang lain atau sebaliknya. Kadang-kadang tujuan berdialog adalah untuk mencari titik pertemuan yang membolehkan umat Islam bekerja di atas satu landasan, mengikut apa yang termampu.

5) Menjaga adab dengan tokoh besar dan para ulama'.

Ulama' mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Allah SWT menyebut tentang perbezaan orang yang mempunyai ilmu dengan yang tidak berilmu: *"Katakanlah kepadanya: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna"*. (Surah al-Zumar (39) : 9). Para ulama' juga merupakan pewaris para nabi bagi menjelaskan jalan petunjuk dan agama yang benar. Justeru, menghina dan menjatuhkan tahap keilmuan mereka merupakan perbuatan yang salah. Para ulama' berbahas tentang sesuatu dengan berdasarkan ilmu. Sekalipun mereka salah dalam menghukum sesuatu, ia tetap dikira sebagai pahala dan mendapat keampunan daripada Allah SWT atas kesungguhan menggunakan akal fikiran bagi mencari keputusan.

6) Menjauhkan dari terlalu mudah menghukum.

Antara adab berbeza pendapat dalam isu-isu hukum adalah dengan mengelakkan diri daripada melabelkan mana-mana individu sebagai fasik, berdosa, ahli bid'ah, kafir atau sebagainya sekiranya pendapat mereka tidak sehaluan dengan kita. Setiap manusia mempunyai kehormatan, kemuliaan dan juga nama baik yang perlu dipelihara. Allah SWT melarang perbuatan ini dengan firmanNya dalam surah al-Ahzab (33) ayat 58 yang bermaksud: *"Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki dan perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata"*.

3.4 KESIMPULAN

Allah SWT menciptakan seluruh makhluk bukan dengan sia-sia. Antara semua makhluk yang diciptakan, manusia yang paling mulia dan mendapat tempat yang sangat istimewa dalam penilaian Allah SWT. Manusia diberikan akal bagi menentukan kehidupannya sama ada berlandaskan iman atau sebaliknya. Namun manusia tidak ditinggalkan begitu sahaja tanpa pedoman dan panduan bagi mencapai tujuan tersebut. Allah SWT membekalkan kepada mereka al-Qur'an dan hadis sebagai tali untuk berpegang dan berpaut. Ia wujud dalam bentuk sistem dan peraturan. Inilah yang dinamakan sebagai syariah.

Manusia diciptakan memiliki fitrah semulajadi sebagai hamba. Hamba merupakan satu golongan yang sangat memerlukan perhatian dan penjagaan daripada tuannya. Manusia adalah hamba, tuannya adalah Allah SWT. Standard penilaian setiap hamba yang bernama manusia ini adalah berlandaskan takwa. Ketakwaan manusia di sisi Allah SWT adalah berbeza-beza. Untuk mencapai takwa, manusia boleh mencetuskannya dalam pelbagai cara dan kaedah. Namun ia masih juga dipandu melalui rubrik pencapaian maqasid syariah. Manusia berhak melakukan apa jua perbuatan selagi mana ia berlegar dalam kebaikan dan kemaslahatan. Inilah tujuan syariah diturunkan. Dalam bahasa ilmu, ia dikenali sebagai maqasid syariah.

Manusia juga terikat dengan peraturan hidup bermasyarakat yang mana sentiasa terdedah kepada diskusi dan perbincangan bagi meningkatkan tahap

kehidupan. Manusia juga tidak lepas lari daripada sentiasa berbeza pendapat dan pendirian dalam mengatur urusan hidup. Islam memberikan panduan yang jelas berkaitan hal ini. Islam mengajar manusia dalam berbincang mengenai sesuatu, bukanlah keputusan menang atau kalah yang diutamakan. Akan tetapi Islam mengajar kita untuk sentiasa mencari titik kebersamaan bagi mewujudkan suasana harmonis, percambahan ilmu dan pengetahuan, mengeratkan persaudaraan dan mengutamakan hak saudara seagama berbanding diri sendiri. Ini adalah kerana Islam merupakan satu agama yang diturunkan oleh Allah SWT; punca segala kebaikan, segala keamanan dan jalan pulang yang abadi bagi hamba-hambanya yang benar-benar percaya tentang hakikat kehidupan yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Halim Abd Kadir, Nor 'Azzah Kamri dan Baharom Kassim (2013). *Maqasid Syariah: Isu-isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran*. Dalam Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (penyelenggara). *Maqasid Syariah Isu-Isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*. (cet. 1, mukasurat 1-26). Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Ahmad Iqram Mohamad Noor. (2018). *50 Agama di Dunia: Antara Risalah Wahyu & Akal*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Basri Ibrahim. (2010). Perbezaan Pendapat dalam Perkara Cabang Fiqh: Analisis Terhadap Pandangan al-Qaradawi. *Jurnal Syariah*, 18 (1), 191-228.
- Cheah Su Ling, Stefanie Joan Almeida dan Ho Su Wei. (2017). *Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan*. Dimuat turun daripada https://www.bnm.gov.my/files/publication/qb/2017/Q4/p3_ren1_bm.pdf
- Fauwaz Fadzil Noor. (2018). *Tajdid Menuju Transformasi: Sunah Tajdid Satu Kebangkitan Ummah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Kamarul Rashdan Salleh. (2013). Pemilikan Rumah Dalam Kalangan Golongan Muda Islam di Malaysia. Dalam Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (penyelenggara). *Maqasid Syariah Isu-Isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*. (cet. 1, mukasurat 131-141). Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Ibn Manzur, Jamaluddin bin Muhammad. (1990). *Lisan al-Arab*. Jilid 9. Beirut: Dar al-Sadir.
- Jasser Auda. (2015). *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Syariah Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* (edisi ke-3). (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

- Mahmood Zuhdi Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004). *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. (2015). *Maqasid Syariah Sebagai Pendekatan Bagi Realisasi Ajaran Islam di Malaysia: Satu Prospek*. Dimuat turun daripada http://www.iais.org.my/e/attach/2015/maqasid2015/pdf/keynote5_paper.pdf
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. (2016). Pendekatan Maqasidi dalam Menangani Kepelbagaian Aliran Pemikiran Hukum di Malaysia. Dalam Noor Naemah, A. R., Abdul Karim, A. & Ridzwan, A. (Eds.), *Maqasid al-Syariah: Konsep dan Pendekatan*. (cet. 1, mukasurat 1-14). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Daud Bakar. (2018). *Membumikan Syariah: Menjelajah Dimensi Syariah Secara 360 Darjah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2014). Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Berfatwa di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4, 7-32.
- Muhadir Haji Joll. (2015). *Kekeliruan Umat Inilah Jawapannya*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Sano, Qoutoub Moustapha. (2000). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Siti Rohana Idris. (2018). *JAKIM wujud modul kursus kahwin lebih komprehensif: Pasangan didedah tanggungjawab untuk wujudkan persefahaman*. Dimuat turun daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian5831/20180804/281522226902499>
- Syed Salim Shamsuddin dan Abdul Manan Ismail. (2018). Pendekatan Ijtihad Jama'i Dalam Pengharmonisasian Ikhtilaf Fuqaha. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 12(1), 22-36.
- Taufik Pasiak. (2009). *Revolusi IQ, EQ, SQ Menyingkap Rahsia Kecerdasan Berdasarkan Quran dan Teori Neurosains Mutakhir*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Yasir Abdullah. (t.t.). *Pemakaian al-Tahsiniiyah: Perbandingan Antara al-Ghazali dan al-Syatibi*. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/2377530/al-tahsiniiyah_menurut_al-ghazali_dan_al-syatibi
- Zaharuddin Abd Rahman. (2014). *Fiqh Kewangan Islam: Halal dan Haram dalam Sistem Jual Beli Islam*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Maqasid al-Syariah Satu Pengenalan Umum*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2018). *Bayan Linnas #142: Maqasid Syariah dan Hifz al-Din: Satu Penjelasan*. Dimuat turun daripada <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2529-bayan-linnas-142-maqasid-syari-ah-dan-hifz-al-din-satu-penjelasan>